

**SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN AM
LESEN ANJING MAJLIS DAERAH MERSING**

1. Pemunya anjing hendaklah:-
 - i. Menyelenggara rumah anjing di mana anjing itu ditempatkan dalam keadaan cuci dan bersih.
 - ii. Membuang dari premisnya apa-apa bahan najis daripada anjing dengan apa-apa cara yang tidak mungkin akan menyebabkan kesalahan atau kesusahan pada orang lain.
 - iii. Mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memastikan anjing tidak menganggu disebabkan oleh salakan yang tidak berhenti-henti atau selainnya kepada jiran-jirannya.
 - iv. Mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memastikan bahawa anjing itu tidak merayau di luar kawasan premis pemunya dan anjing itu hendaklah berikat dan dipakaikan sarung mulut ketika dibawa keluar oleh pemunya.
 - v. Tidak boleh membawa anjing ke tempat-tempat awam untuk membuang najis.
 - vi. Pemunya anjing hendaklah mengadakan kolar yang sesuai untuk dipasang lencana logam dan dipakai oleh anjing pada setiap masa.
 - vii. Mempamerkan papan tanda "**Ada Anjing Di Sini**" di setiap premis mempunyai anjing.
2. Mana-mana anjing yang didapati bebas di tempat awam, berpenyakit dengan tidak memakai lencana logam lesen Majlis Daerah Mersing menimbulkan kacauanggu kepada orang lain atau anjing dipelihara di tempat yang tidak dibenarkan akan dirampas, ditangkap dan dihapuskan.
3. Pemilik anjing hendaklah pastikan anjing telah disuntik dengan vaksin iaitu penyakit canine distemper, parvo virus dan hepatitis. Vaksinasi ini perlu disuntik setiap tahun.
4. Kadar bayaran lesen anjing adalah seperti berikut :-

BIL.	JENIS ANJING	KADAR BAYARAN (RM) / TAHUN	
		LESEN	LENCAWA LOGAM
1.	Anjing betina yang belum dimandulkan	30.00/ekor	20.00
2.	Anjing betina yang dimandulkan	10.00/ekor	20.00
3.	Anjing jantan	10.00/ekor	20.00

5. Apa-apa fi yang telah dibayar tidak boleh dikembalikan.
6. Lesen ini akan tamat tempohnya pada 31 Disember pada tahun lesen itu dikeluarkan.
7. Lesen boleh dibatalkan sekiranya pelesen gagal mematuhi mana-mana syarat lesen yang diperuntukkan.
8. Sesiapa yang melanggar mana-mana Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing (Majlis Daerah Mersing) 2003 ini, adalah melakukan satu kesalahan dan boleh disabitkan kesalahan dan dikenakan denda tidak lebih daripada RM1,000.00 atau dihukum penjara tidak lebih daripada enam (6) bulan atau denda atau kedua-duanya sekali.

PERHATIAN

Syarat-syarat di atas masih terus berkuatkuasa sekiranya tempoh lesen ini diperbaharui atau dilanjutkan sehingga ada arahan bertulis daripada Majlis Daerah Mersing membatalkan syarat-syarat tersebut.